

Penyelarasan induk, tabung khas persiapkan negara hadapi banjir

TAKWIM 2021 diakhiri dengan banjir besar melanda negara sehingga mengorbankan 48 nyawa, manakala nilai kerugian keseluruhan dianggarkan mencecah RM6.1 bilion.

Memetik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, kerajaan mentaksirkan kerugian awal akibat banjir di 50 daerah di seluruh negara pada Disember lalu, berdasarkan dapatan **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Daerah dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Bencana bah melanda negara menyebabkan kerosakan kediaman, premis perniagaan, kenderaan, tempat pertanian, pembuatan, aset awam dan infrastruktur.

Kerosakan itu membabitkan satu pertiga daripada 160 daerah di seluruh negara terkesan akibat banjir. Daripada jumlah ini, sejumlah RM2 bilion merangkumi kerosakan struktur awam.

Bencana banjir bukan senario baharu kepada rakyat negara ini. Nenek moyang kita sudah pun mengharungi bencana itu saban tahun sejak dahulu lagi khususnya di Pantai Timur, apatah lagi setiap kali musim tengkujuh.

Bagaimanapun, bah melanda Disember lalu adalah di luar jangkaan. Misalnya bagi penduduk Taman Sri Muda di Seksyen 24, Shah Alam, ramai terperangkap di kediaman masing-masing kerana banjir luar biasa dan paras air naik mendadak di kawasan jarang ditenggelami air mengakibatkan mereka tidak sempat menyelamatkan diri.

Mereka tidak menyangka banjir besar melanda yang akhirnya membawa kepada kemusnahan dan kerosakan harta benda di kawasan terbabit.

Kejadian banjir pada Disember itu susulan fenomena luar jangka disebabkan faktor seperti dinyatakan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), iaitu pembangunan dalam kawasan dataran banjir dan rizab sungai menyebabkan pengurangan kapasiti takungan air serta aliran air sungai terhalang disebabkan tiang jambatan dan kemudahan utiliti dengan adanya puing mengandungi sampah, sisa, sedimen dan bahan buangan.

Begitu juga jajaran asal sungai diluruskan dan dikonkritkan menyebabkan aliran sungai lebih laju di kawasan hiliran; pembukaan tanah di kawasan tadahan menyebabkan aliran air permukaan lebih laju ke dalam sungai dan berlaku runtuh di tebing serta membawa kelodak dan puing.

Seterusnya, ia menyebabkan banjir di kawasan hilir dan pam serta pintu air tidak dapat beroperasi sempurna akibat timbunan sampah sarap dan terputus bekalan elektrik terpaksa dipotong Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana keselamatan awam.

Ketika perbincangan pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat mengenai bencana banjir minggu lalu, saya ada menegaskan banjir di negara kita sifatnya berulang-ulang. Kita boleh menjangkakan kehadirannya.

Apabila bencana itu melanda, terdapat lima ujian tidak dapat tidak mesti dihadapi mangsa, iaitu kebimbangan dan ketakutan, kelaparan, kurang harta, kematian serta kerosakan atau kemusnahan bahan pertanian.

Apabila banjir besar berlaku baru-baru ini, Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), JKM dan beberapa agensi lain selain gerakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) segera melaksana tugas menghilangkan kebimbangan dan kelaparan mangsa.

Justeru, disebabkan sifatnya berulang, tentulah kerajaan memerlukan perancangan jangka panjang, bukan ad hoc. Sehubungan itu, penulis mencadangkan penubuhan Majlis Banjir Negara (MBN) yang akan menjadi penyelaras induk bagi menghadapi bencana banjir berlaku setiap tahun negara ini.

Majlis ini bakal berperanan secara lebih fokus dalam usaha membantu mangsa banjir setiap kali bencana itu melanda saban tahun.

MBN akan menyelaraskan semua perkara berkaitan banjir kerana apabila berlaku banjir baru-baru ini, timbul salah faham dan saling tuding-menuding kena buat begitu atau begini. Maka penting penyelarasan untuk melancarkan gerak kerja.

Namun, apa lebih penting ialah kaedah menyediakan dana bagi majlis bencana terbabit, iaitu melalui sistem takaful sebagai tabungan tetap disediakan kerajaan. Mungkin kerajaan boleh mewujudkan yayasan untuk tujuan itu dalam usaha menyatukan semua perbelanjaan pengurusan banjir negara.

Kita tidak mahu berlaku lagi peruntukan 'bidan terjun' yang ditarik sedikit daripada JKM atau daripada NADMA, atau mana-mana pihak lain.

Kerugian harta benda berikutan bah lalu bukan sedikit, tetapi mencecah RM6.5 bilion. Keadaan diburukkan lagi apabila skim perlindungan insurans atau takaful yang ada tidak memberikan perlindungan nyawa dan harta benda akibat bencana terbabit.

Bukan itu sahaja, petani kehilangan tanaman pertanian hanya mampu berputih mata kerana tiada skim insurans melindungi tanaman musnah akibat banjir. Oleh itu, kerajaan perlu meneliti dan membuat keputusan segera suatu penyelesaian jangka panjang.

Pengumuman Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man bahawa lebih RM300 bilion diperlukan bagi cadangan penyelesaian jangka panjang fenomena banjir di seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan berfasa selama 50 tahun, iaitu sehingga 2100, penting untuk diambil perhatian semua pihak.

Kerajaan disyorkan menubuhkan tabung khas dan dana disediakan boleh bersifat sebagai pelaburan, serta mampu menjana pendapatan dalam jangka panjang.

Pada masa sama, semua pihak boleh menyumbang kepada tabung itu dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk memperkasakan dana yang ada supaya tabung itu terus dikekalkan.

Seperti dinyatakan Tuan Ibrahim, fokus dana berkenaan adalah kepada pembangunan infrastruktur air seperti tebatan banjir, pembinaan benteng, ban, pencegahan hakisan pantai dan sebagainya.

Selain itu, KASA percaya menerusi cadangan penyelesaian segera, jangka pendek dan jangka panjang, impak fenomena banjir dari segi kemusnahan harta benda mahupun kehilangan nyawa setidak-tidaknya dapat diminimumkan.

Apa pun, kejayaan pelaksanaan penyelesaian ini bergantung kerjasama semua pihak sama ada agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), NGO, masyarakat dan pihak lain.

<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/01/916849/penyelarasan-induk-tabung-khas-persiapkan-negara-hadapi-banjir>